

PENULISAN ESEI

TAJUK ESEI: Langkah Menghadapi Gangguan Teknologi Sebagai Seorang Muslim Yang Baik

PENULIS: Nur Athirah Khairul Anwar

Tarikh diterbitkan: 6 Januari 2021

Kecanggihan teknologi, berkembang seiring dengan peredaran zaman. Kehidupan dunia menjadi semakin moden dari satu fasa ke fasa berikutnya. (Teguh, 2019b) menggariskan, bermula dari teknologi zaman pra-sejarah, berubah kepada teknologi zaman kuno, diikuti pula dengan teknologi zaman pertengahan. Kemudian, masuk pula era revolusi industri dan seterusnya berkembang kepada teknologi abad 21. Begitulah seterusnya, dan pastinya tidak akan terhenti setakat itu.

Teknologi yang semakin canggih ini menjadikan kerja-kerja seharian lebih efisien dan efektif. Dulu, semua kerja dilakukan secara manual yang menggunakan banyak tenaga manusia secara fizikal. Akan tetapi, dengan kewujudan teknologi yang semakin berkembang dari semasa ke semasa ini, manusia dapat melakukan berbagai jenis kerja tanpa memerah tenaga yang banyak. Jentera-jentera moden, komputer, telefon pintar, telah mengambil alih tenaga fizikal manusia. Contohnya, untuk membeli-belah, sudah boleh dilakukan secara dalam talian tanpa perlu bersesak-sesak keluar ke pusat membeli-belah atau pasar raya. Urusan pejabat boleh dilakukan hanya dari rumah. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan melalui penstriman video. Pelbagai bentuk perniagaan dilakukan secara dalam talian tanpa perlu mengeluarkan modal untuk menyewa atau membeli tapak perniagaan.

Namun begitu, keburukan atau impak negatifnya juga tidak dinafikan. Umpamanya, teknologi yang kian canggih akan menambahkan bilangan rakyat yang menganggur lantaran tenaga manusia telah diambil alih oleh pelbagai jenis jentera, mesin dan peralatan. Dalam aspek teknologi maklumat pula, semakin mudah para penjenayah siber mengambil kesempatan untuk melakukan jenayah dalam talian yang ternyata sukar dikesan oleh pihak Polis atau pihak berkuasa. Ini menjadikan jenayah siber semakin berleluasa dan sukar dibendung.

Gangguan teknologi atau dikenali juga sebagai gangguan inovasi, merupakan inovasi teknikal yang berpotensi mengubah dan menyusun semula keseluruhan industri. Jadi, sudah pasti, gangguan teknologi juga tergolong dalam impak negatif kemajuan teknologi. Sebagai seorang Muslim yang baik, bagaimanakah cara untuk kita menghadapi gangguan teknologi ini?

Pertama, walaupun para peniaga telah mula memasarkan produk perniagaan mereka secara dalam talian, namun, para peniaga seharusnya tidak berasa hilang harapan untuk terus berniaga secara konvensional. Sebaliknya, para peniaga perlulah mengambil inisiatif bijak untuk berniaga melalui kedua-dua platform ini, iaitu secara bersemuka dan perniagaan dalam talian. Perniagaan dalam talian boleh dilakukan melalui mana-mana platform e-dagang. Contoh laman web perdagangan yang paling popular dikunjungi oleh pelanggan di Malaysia ialah Amazon, eBay, Lazada, Shopee, Zalora, Carousell Malaysia, Mudah.com, Lelong.com, Fave by Groupon, Taobao.com, Alibaba.com, Fashionvalet, 11th street.my, Gemfive.com, Q100.my, Hermo.my dan Carlist.my. Ilmu dan strategi perniagaan cara ini juga perlulah digali agar dapat membawa keuntungan yang berlipat kali ganda. Kerana, melalui kaedah moden ini para peniaga boleh mendapatkan pelanggan yang lebih banyak kerana ia beroperasi secara universal sepanjang 24 jam tanpa perlu menyewa atau membeli tapak perniagaan. Melalui kaedah ini juga, perniagaan dapat lebih dikenali ramai dan berpotensi untuk berkembang lebih maju dalam masa yang singkat kerana rangkaian peranti internet mempunyai pengaruh yang sangat tinggi terhadap pengguna.

Kedua, sebagai seorang Muslim yang baik, kita perlu bijak mengambil tindakan proaktif dengan mempelajari ilmu-ilmu teknologi mengenai pembuatannya, penghasilannya, serta penggunaannya. Sekurang-kurangnya ia dapat membantu mengatasi masalah pengangguran, selain kebolehpasaran bidang ini yang sangat tinggi. (Astro Awani, 2019a) telah menyiarkan berita bahawa pengambilan pekerja berkemahiran tinggi khususnya dalam segmen digital menjadi sasaran utama majikan selaras dengan keperluan memenuhi kehendak ekonomi digital dan revolusi 4.0. (Bernama, 2019b) juga mengkhabarkan bahawa pada dasarnya banyak sektor pekerjaan seperti pembungkusan akan digantikan dengan tenaga robot. Namun sektor yang melibatkan kreativiti dan penciptaan masih memerlukan tenaga manusia. Tambahnya lagi, teknologi juga boleh mengajar robot untuk berfikir, menulis, melukis seperti manusia tetapi harus diingat, sifat semula jadi manusia tetap tidak boleh ditiru oleh robot. Jadi, peluang pekerjaan akan sentiasa ada sekiranya kita bersedia mempersiapkan diri dengan kemahiran untuk industri baharu ini. Jelaslah bahawa teknologi bukanlah satu-

satunya faktor yang telah menyebabkan berlakunya pengangguran. Sebaliknya, kita perlu mengambil peluang mempelajari dan mendalami bidang teknologi ini supaya kita akan menjadi salah satu tenaga mahir yang dapat memenuhi keperluan seiring dengan perkembangannya yang begitu pesat.

Ketiga, sebagai seorang Muslim yang baik, kita seharusnya menghadkan masa penggunaan peralatan atau gadget berteknologi tinggi dengan berhikmah. Kehadiran variasi teknologi canggih yang dimiliki acap kali membuat kita terleka sehingga menghabiskan terlalu banyak masa. Contohnya, alat-alat seperti telefon pintar, komputer, komputer riba, komputer tablet dan sebagainya yang kita gunakan untuk mengakses internet. Internet yang dahulunya merupakan satu medium teknologi komunikasi yang eksklusif, kini menjadi saluran maklumat dan komunikasi yang mampu diakses oleh ramai orang dan digunakan secara meluas. Dahulu, jika kita ingin menggunakan internet, komputer diperlukan untuk mengakses. Namun, kini internet sudah boleh dilayari menggunakan telefon bimbit yang mempunyai perisian perkhidmatan internet tanpa wayar (Wireless). Oleh yang demikian, sekiranya perkara ini diurus dengan baik dan teratur, kerja-kerja lain yang merupakan tanggungjawab untuk diselesaikan tidak akan tertangguh. Kita dapat menyiapkan segala tugas tepat pada masanya. Kita juga dapat menjadi seorang yang lebih terurus, sistematik, berjaya dan terkehadapan selari dengan peraturan yang digariskan dalam Islam.

Sebagai seorang Muslim yang baik, kita juga seharusnya mengambil cakna akan keselamatan dan kesihatan tubuh badan ketika menggunakan peralatan canggih berteknologi tinggi ini. Hal ini kerana, penggunaan telefon pintar atau komputer, melayari internet dan sebagainya tanpa had, kawalan dan langkah-langkah keselamatan, boleh menjejaskan kualiti tidur dan mendatangkan kemudatan. Sering berlaku dimana seseorang itu mengguna dan melayari telefon bimbit dalam keadaan gelap, ketika berada di kamar tidur. Tanpa disedari, cahaya daripada skrin telefon boleh mengakibatkan kita sukar untuk tidur dan gejala ini dikenali sebagai insomnia. Contoh-contoh risiko lain yang disebabkan oleh penggunaan telefon bimbit dan komputer yang tidak terkawal ialah obesiti, gangguan mental, lemah daya ingatan, malas dan lain-lain. Oleh itu, sebagai seorang Muslim yang mengamalkan ajaran Islam seharusnya lebih peka akan hal ini agar tidak memudaratkan kesihatan diri sendiri disebabkan ketagihan mengakses rantaian peranti internet. Islam sangat melarang keras perbuatan yang berlebihan serta memudaratkan.

Keempat, sebagai seorang Muslim yang baik seharusnya kita menjadi seorang yang bijak berbelanja terhadap teknologi. Tidak perlulah membeli setiap kali ada model, jenama atau peranti terbaharu di pasaran, semata-mata untuk berlumba-lumba memiliki dan menggunakan teknologi terkini. Ada kalanya peranti terbaharu ini tidak jauh bezanya daripada segi kebolehfungsian berbanding peranti yang sudah dimiliki. Bukankah ini satu pembaziran? Bukankah agama Islam sangat melarang penganutnya melakukan pembaziran dalam kehidupan seharian? Kita seharusnya terlebih dahulu mengenal pasti, meneliti dan membandingkan kelebihan dan kekurangan peranti-peranti ini. Kerana, para pengeluar pada hari ini saling bersaing untuk menghasilkan produk yang mempunyai sedikit kelebihan dari jenama yang lain. Intihanya, sekiranya kita tidak bijak membeli, sudah pasti akan tertipu dengan kelebihan yang disediakan kerana adakalanya ia indah khabar dari rupa.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa kita sebagai seorang Muslim yang baik seharusnya bijak dalam mendepani perubahan teknologi ini. Gangguan teknologi ini sememangnya banyak mendatangkan manfaat, namun keburukannya tidak juga dinafikan. Oleh itu, kesedaran dalam penggunaan teknologi ini seharusnya dititikberatkan agar tidak terlalu taksud terhadap perkembangan teknologi dari semasa ke semasa. Menurut (Rosli, 2019b) bahawa kelekakan menggunakan teknologi mendorong masyarakat untuk tidak lagi bergantung kepada komunikasi di alam nyata, sekali gus memberi kesan buruk terhadap hubungan antara individu terutamanya keluarga. Beliau berkata lagi, penggunaan teknologi tanpa kawalan dan secara tidak berhemah akan membuatkan orang ramai terlalu bergantung kepada gajet untuk mendapatkan maklumat. Mereka lebih banyak berinteraksi di alam siber sehingga kurang sekali berhubung dengan orang sekeliling secara fizikal. Jadi, sebagai seorang Muslim yang baik, wajarkah kita menerima sahaja dan menggunakan teknologi ini secara membabi buta tanpa ilmu? Tepuk dada tanya selera.

RUJUKAN

- Teguh, W. (2019b, June 5). *SEJARAH PERKEMBANGAN TEKNOLOGI*. School of Information Systems. <https://sis.binus.ac.id/2019/06/05/sejarah-perkembangan-teknologi/>
- Astro Awani. (2019a, January 17). *Bakat digital jadi keutamaan majikan pada 2019 - Jobstreet*. Astroawani.Com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bakat-digital-jadi-keutamaan-majikan-pada-2019-jobstreet-196251>
- Bernamea, K. K. (2019b, January 2). *Kekurangan tenaga mahir jadi cabaran industri 4.0*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/458549>
- Rosli, F. A. (2019b, September 7). *TPM bimbang masyarakat ketagih teknologi, media sosial*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/604548/tpm-bimbang-masyarakat-ketagih-teknologi-media-sosial>